



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

PANDUAN

**PENDAFTARAN PERNIAGAAN
FRANCAIS**

PANDUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN FRANCAIS

1. UNDANG-UNDANG YANG BERKUAT KUASA

- (a) Akta Francais 1998 (Pindaan 2020);
- (b) Peraturan-Peraturan Francais (Borang dan Fi) (Pindaan) 2022;
- (c) Peraturan-Peraturan Francais (Kelayakan Broker Francais) (Pindaan) 2022;
- (d) Peraturan-Peraturan Francais (Penetapan Tempoh Kuatkuasa Pendaftaran) 2022;
- (e) Peraturan-Peraturan Francais (Pengkompunan Kesalahan) (Pindaan) 2022;
- (f) Peraturan-Peraturan Francais (Cara Rayuan) (2022).

2. PEMAKAIAN

2.1. Akta ini terpakai di seluruh Malaysia bagi penjualan apa-apa francais di dalam Malaysia. Akta ini juga mengkehendaki syarikat yang telah mendaftar dengan Jabatan Perdana Menteri atau Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi terdahulu supaya membuat pendaftaran semula dan memenuhi syarat-syarat seperti yang dikehendaki di bawah Akta Francais 1998 termasuk yang telah mendaftar di sistem MyFEX 1.0. Semua syarikat francais perlu mendaftar semula di sistem MyFEX 2.0 bermula 29 Julai 2022 seiring dengan penguatkuasaan Akta Francais (Pindaan 2020) pada 28 April 2022.

2.2. Penjualan sesuatu francais adalah disifatkan di dalam Malaysia jika:

- (a) sesuatu tawaran untuk menjual atau membeli francais ini:
 - i) dibuat di dalam Malaysia dan diterima di dalam atau di luar Malaysia; atau
 - ii) dibuat di luar Malaysia dan diterima di dalam Malaysia; dan
- (b) perniagaan yang difrancaiskan itu dikendalikan di dalam Malaysia.

3. TAFSIRAN

- 3.1. **'francaisor'** ertinya orang yang memberikan francais kepada francaisi dan termasuk francaisi induk berkenaan dengan hubungannya dengan subfrancaisi.
- 3.2. **'francaisi induk'** ertinya seseorang yang diberi hak oleh francaisor untuk mensubfrancaiskan kepada orang lain, atas perbelanjaannya sendiri, francais kepunyaan francaisor itu.
- 3.3. **'francaisi kepada francaisor asing'** ertinya seseorang yang diberi hak oleh francaisor asing tetapi tidak mensubfrancaiskannya kepada orang lain.
- 3.4. **'broker francais'** ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan sebagai ejen atau wakil kepada mana-mana francaisor untuk menjual francais kepada mana-mana orang dengan balasan yang tertentu tetapi tidak termasuk mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja francaisor atau francaisi.
- 3.5. **'konsultan francais'** ertinya seseorang yang memberi nasihat dan perkhidmatan perundingan kepada seseorang yang lain mengenai pendaftaran perniagaan francais dan pematuhan kepada undang-undang yang berhubung dengannya.
- 3.6. **'francaisor asing'** ertinya orang asing yang bercadang menjual francaisnya di Malaysia atau kepada mana-mana warganegara Malaysia hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pendaftar.

4. CARA-CARA MEMOHON PENDAFTARAN

4.1. Tiap-tiap permohonan hendaklah mengandungi setiap satu salinan perkara berikut:

- (a) Dokumen Penzahiran Francais (boleh muat turun di <https://myfexv2.kpdnhep.gov.my/muat-turun-fail>);
- (b) Contoh Dokumen Perjanjian Francais;
- (c) Manual Operasi;
- (d) Manual Latihan;
- (e) Salinan Penyata Kewangan Teraudit (3 Tahun Terkini);
- (f) Laporan Tahunan Perniagaan Francais (LTPF).

4.2. Borang Dokumen Penzahiran Francais boleh didapati di pautan <https://myfexv2.kpdnhep.gov.my/muat-turun-fail> secara percuma.

5. PENDAFTARAN KONSULTAN ATAU BROKER FRANCAIS

5.1. Tiap-tiap permohonan hendaklah mengandungi setiap satu salinan perkara berikut:

Permohonan Daripada Syarikat

- (a) Profil syarikat/ perkhidmatan;
- (b) Maklumat pendaftaran entiti perniagaan (SSM) Surat akuan konsultan/ broker syarikat;
- (c) Latar belakang Lembaga Pengarah dan Eksekutif Utama (kelulusan tertinggi, pengalaman di bidang francais dan lain-lain maklumat);
- (d) Seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah mestilah terdiri daripada broker atau konsultan francais;
- (e) Syarikat perunding mestilah mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM100,000;
- (f) Salinan sijil-sijil akademik kakitangan utama;
 - Ijazah - pengalaman tidak kurang 3 tahun
 - Diploma - pengalaman tidak kurang 5 tahun
 - Eksekutif - pengalaman 10 tahun dan tidak kurang daripada 20 tahun.

Permohonan Daripada Orang Perseorangan

- (a) Salinan kad pengenalan;
- (b) Salinan sijil-sijil akademik;
- (c) Surat perakuan majikan;
- (d) Surat akuan konsultan/ broker perseorangan;
- (e) Bebas dari kesalahan jenayah;
- (f) Tidak diisytiharkan bankrup;
- (g) Mempunyai dokumen pengesahan daripada francaisor berdaftar di bawah Akta Francais 1998 untuk menjadi ejen atau wakil kepada francaisor tersebut;
- (h) Dokumen kebenaran/perjanjian sebagai broker atau konsultan telah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah dan telah dimatikan setem (jika ada);
- (i) Menghadiri kursus wajib francais yang diiktiraf oleh Pendaftar Francais dari semasa ke semasa antaranya MyFEX, PERNAS, MFA atau BPFJL;
- (j) Ijazah – pengalaman tidak kurang 3 tahun; atau
Diploma – pengalaman tidak kurang 5 tahun; atau
Eksekutif – pengalaman 10 tahun dan tidak kurang daripada 20 tahun.

5.2. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Francais melalui pautan <https://myfexv2.kpdnhep.gov.my>

6. NOTIS BERTULIS KEPUTUSAN/ PENDAFTAR, DAN TARIKH KUATKUASA PENDAFTARAN

- 6.1. Keputusan mengenai kelulusan pendaftaran akan dikeluarkan oleh Pendaftar Francais berserta tarikh kuatkuasa pendaftaran.
- 6.2. Pemberitahuan mengenai penolakan pendaftaran akan dikeluarkan oleh Pendaftar Francais dan rayuan boleh dikemukakan kepada Menteri dalam tempoh satu bulan daripada tarikh penerimaan notis.

7. PINDAAN KEPADA DOKUMEN PENZAHIRAN

7.1 Pindaan atau tambahan terhadap maklumat di dalam Dokumen Penzahiran boleh dibuat dan Pendaftar Francais akan mengeluarkan notis tertakluk di bawah seksyen 11, Akta Francais 1998.

8. NOTIS TENTANG PENGGANTUNGAN, PENAMATAN LARANGAN ATAU PENOLAKAN PENDAFTARAN FRANCAIS

- (a) Pendaftar berhak menggantung, menamat, melarang atau menolak sesuatu pendaftaran (Seksyen 12 Akta Francais) apabila didapati sesuatu kesalahan telah dilakukan;
- (b) Sekiranya terkilan dengan keputusan Pendaftar tersebut rayuan boleh dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan dengan menggunakan JADUAL (Peraturan 2) NOTIS RAYUAN AKTA FRANCAIS 1998 Subseksyen 17(1).

9. LAPORAN TAHUNAN

9.1. Laporan tahunan adalah maklumat-maklumat yang wajib dikemukakan oleh syarikat francaisor dan francais induk kepada Pendaftar Francais **dalam tempoh enam (6) bulan** dari penghujung setiap tahun kewangan perniagaan francais. Laporan tahunan ini hendaklah benar dan lengkap sertamengandungi satu salinan tiap-tiap satu maklumat berikut:

(a) Borang BAF 1;

(b) Bilangan kedai perniagaan francais

- Kedai syarikat
- Kedai francais Bumiputera
- Kedai francais bukan Bumiputera
- Kedai francais luar Negara

(Nama dan alamat semua kedai perniagaan di atas hendaklah disertakan)

(c) Nilai jualan tahunan perniagaan

(d) Dokumen Penzahiran terkini (jika ada perubahan daripada dokumen yang telah dihantar semasa membuat pendaftaran)

(e) Penyata kewangan syarikat yang telah diaudit

9.2. Laporan tahunan yang dikemukakan ini hendaklah ditandatangani dan diletakkan cop meterai syarikat francaisor dan francais induk.

10. TEMPOH KUATKUASA PENDAFTARAN

- 10.1. Tempoh kuatkuasa pendaftaran bagi francaisor dan francaisi induk ditetapkan selama lima (5) tahun sebagai pendaftaran dan perlu membuat permohonan pembaharuan seawal enam (6) bulan dan selewat-lewatnya dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh habis tempoh pendaftaran tersebut.
- 10.2. Tempoh kuatkuasa pendaftaran bagi broker atau konsultan francais ialah 2 tahun dari tarikh kelulusan pendaftaran hendaklah dibuat sebelum habis tempoh tarikh tamat pendaftaran dan bayaran seperti yang ditetapkan oleh Pendaftar Francais akan dikenakan.

11. MEMPAMERKAN PENDAFTARAN FRANCAIS

- 11.1. Francaisor atau francaisi hendaklah pada setiap masa mempamerkan pendaftaran francais di suatu kedudukan yang mudah dilihat di tempat francaisor atau francaisi itu menjalankan perniagaannya.

12. BAYARAN-BAYARAN

12.1. Bayaran-bayaran yang dikenakan bagi urusan-urusan membuat pendaftaran dan meminda dokumen adalah seperti berikut:

Bil.	Peruntukan dalam Akta	Maksud Pembayaran Fi	Jumlah Fi (RM)
1	Seksyen 7	Pendaftaran francaisor bagi tempoh 5 tahun <ul style="list-style-type: none"> - Fi proses - Fi kelulusan (francais tempatan dan francais induk) - Fi kelulusan (francais asing) 	50.00 1,000.00 5,000.00
2	Seksyen 6A	Pendaftaran francais kepada francaisor asing <ul style="list-style-type: none"> - Fi proses - Fi kelulusan 	50.00 1,000.00
3	Seksyen 6B	Pendaftaran francais kepada francaisor tempatan <ul style="list-style-type: none"> - Fi proses 	20.00
4	Seksyen 10A	Fi pembaharuan pendaftaran francaisor tempatan bagi tempoh 5 tahun Fi pembaharuan pendaftaran francaisor asing bagi tempoh 5 tahun	1,000.00 5,000.00
5	Seksyen 11	Permohonan Pindaan Dokumen Penzahiran <ul style="list-style-type: none"> - Fi proses 	50.00
6	Seksyen 14	Pendaftaran broker francais dan konsultan francais bagi tempoh 2 tahun <ul style="list-style-type: none"> - Fi proses - Fi kelulusan 	50.00 1,000.00
7	Seksyen 54	Pendaftaran francaisor asing <ul style="list-style-type: none"> - Fi proses - Fi Kelulusan 	50.00 5,000.00

***Nota: Tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.**

13. PERTANYAAN DAN ALAMAT PENDAFTARAN

13.1. Semua pertanyaan berhubung dengan pendaftaran ini hendaklah dialamatkan atau datang sendiri ke Pejabat Pendaftar:

Pendaftar Francais,
Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
No. 13, Aras 1 (Menara)
Persiaran Perdana Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA
Tel : 03-8882 6562
E-mel : francais@kpdnhep.gov.my